



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AM SULIT BIL. 1 TAHUN 1995**

**ETIKA DAN PENGURUSAN INSTITUSI  
YANG DI-PERTUAN AGONG**

JABATAN PERDANA MENTERI  
MALAYSIA  
1 April, 1995

Dikelilingkan Kepada:

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian.  
Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri.  
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan.  
Ketua-Ketua Badan Berkanun Persekutuan.

**SULIT**



JABATAN PERDANA MENTERI,  
JALAN DATO' ONN,  
50502 KUALA LUMPUR

Telefon: 2321957

Fax : 2984580

Kawat : PERDANA

Rujukan Kami: PM(R) 11880/A/094

Tarikh: 1 April, 1995

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian.  
Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri.  
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan.  
Ketua-Ketua Badan Berkanun Persekutuan.

---

**SURAT PEKELILING AM SULIT BIL. 1 TAHUN 1995**

---

**ETIKA DAN PENGURUSAN INSTITUSI  
YANG DI-PERTUAN AGONG**

**1. TUJUAN**

1.1. Surat Pekeliling Am Sulit ini, berserta dengan "Etika dan Pengurusan Institusi Yang di-Pertuan Agong", adalah dikeluarkan untuk rujukan pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan. Adalah diharapkan bahawa dengan pengeluaran Pekeliling ini, maka pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan akan dapat menjalankan tugas masing-masing dengan lebih sempurna dan berkesan untuk memelihara Yang di-Pertuan Agong sebagai tunggak dan lambang kedaulatan Institusi Beraja, dan juga sebagai Kepala Negara dan lambang taat setia rakyat Malaysia.

**SULIT**

**2. TARIKH KUATKUASA**

**2.1. Surat Pekeliling Am Sulit ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*Kemuncak*

**(TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID)**  
*Ketua Setiausaha Negara.*

**SULIT**

## **KANDUNGAN**

*Muka  
Surat*

Bab 1 — Yang di-Pertuan Agong Sebagai Kepala Utama Negara Bagi Persekutuan	1
Bab 2 — Saraan Dan Kemudahan-Kemudahan Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong	3
Bab 3 — Fungsi-Fungsi Yang di-Pertuan Agong	5
Bab 4 — Asas-Asas Ketertiban Institusi Yang di-Pertuan Agong	11

**SULIT**

## **PENDAHULUAN**

Yang di-Pertuan Agong bukan sahaja merupakan tunggak dan lambang Kedaulatan Institusi Beraja di Malaysia tetapi merupakan juga Kepala Negara dan lambang taat setia rakyat Malaysia kepada undang-undang dan Perlembagaan. Baginda juga adalah tumpuan taat setia dan perpaduan rakyat. Dalam konteks inilah usaha untuk mengeluarkan buku kecil ini dibuat, supaya dalam menjalankan tugas dan peranan Baginda, Yang di-Pertuan Agong sentiasa berpandukan undang-undang, amalan, konvensyen; tatasusila tradisi kemelayuan serta syiar Islam. Etika ini juga meliputi Institusi Timbalan Yang di-Pertuan Agong, di mana bersesuaian.

**BAB 1**

**YANG DI-PERTUAN AGONG SEBAGAI  
KEPALA UTAMA NEGARA BAGI PERSEKUTUAN**

Ketua Negara ialah Yang di-Pertuan Agong mengikut Perkara 32(1) Perlembagaan Persekutuan. Selaku Kepala Utama Negara, Baginda mengambil tempat paling utama mengatasi segala orang dalam Persekutuan.

2. Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sebagai satu institusi mengikut konsep raja berperlembagaan. Perlembagaan Persekutuan menetapkan beberapa garis panduan berhubung dengan kuasa dan fungsi-fungsi Yang di-Pertuan Agong.
3. Soal kelayakan untuk mengisi jawatan Yang di-Pertuan Agong itu tidak terletak kepada sesuatu keluarga diraja di mana-mana negeri sahaja. Dengan itu proses perlantikan seorang Raja ke jawatan itu dibuat melalui sistem pemilihan dan dengan itu wujudlah pula Majlis Raja-Raja yang antara lainnya berfungsi untuk memilih Raja bagi mengisi jawatan Yang di-Pertuan Agong.
4. Peraturan perlantikan Yang di-Pertuan Agong adalah termaktub dalam Jadual III Perlembagaan Persekutuan. Semua Raja adalah layak untuk dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong, melainkan Raja yang tidak cukup umur, tidak mahu dipilih atau difikirkan tidak layak oleh Majlis Raja-Raja (menerusi undi sulit) dengan sebab keuzuran akal dan badan atau sebab-sebab yang lain.
5. Raja pertama di dalam senarai pemilihan akan ditawarkan untuk memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong. Beliau merupakan Raja yang paling kanan selepas Yang di-Pertuan Agong. Hanya sembilan orang Raja sahaja yang terlibat di dalam pemilihan dan perlantikan Yang di-Pertuan Agong tersebut. Yang di-Pertua Negeri tidak terlibat dalam proses perlantikan Yang di-Pertuan Agong. Setelah dipilih, Raja berkenaan akan memegang jawatan tersebut selama lima tahun, kecuali sekiranya Baginda meletakkan jawatan tersebut sebelum tamat tempoh perkhidmatannya ataupun Baginda dilucutkan daripada jawatan tersebut oleh Majlis Raja-Raja.

**SULIT**

6. Perkara 32(2) Perlembagaan Persekutuan menetapkan Raja Permaisuri Agong mengambil keutamaan mengatasi segala orang lain dalam Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong. Perlembagaan Persekutuan tidak memperkatakan kedudukan putera dan puteri Yang di-Pertuan Agong. Sehubungan ini Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pernah berkata bahawa "Baginda Sultan dan Baginda Tuanku Ampuan yang ke Kuala Lumpur apabila memegang jawatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan bersemayam secara berdua sahaja tanpa melibatkan keluarga yang lain". Sehubungan ini dalam majlis-majlis rasmi, pembesar-pembesar negara mengambil tempat yang lebih utama daripada putera dan puteri Diraja sekiranya mereka dijemput.
7. Sebelum menjalankan tugas-tugasnya, Yang di-Pertuan Agong hendaklah mengangkat dan menandatangani suatu sumpah jawatan di hadapan Majlis Raja-Raja dan dengan kehadiran Ketua Hakim Negara. Sumpah itu hendaklah disaksikan serta ditandatangani oleh dua orang yang dilantik bagi maksud itu oleh Majlis Raja-Raja.

**SULIT**

**BAB 2**

**SARAAN DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG  
DI-PERTUAN AGONG DAN RAJA PERMAISURI AGONG**

Peruntukan Diraja bagi Yang di-Pertuan Agong adalah termaktub dalam Perkara 35(1) Perlumbagaan Persekutuan. Peruntukan ini termasuk peruntukan untuk membayar annuniti kepada Raja Permaisuri Agong. Peruntukan Diraja adalah termaktub dalam Akta 269 Akta Peruntukan Diraja 1982 (Pindaan 1991).

*Pengangkutan*

2. Kereta utama Istana Negara adalah dikhaskan bagi kegunaan Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong sahaja.
3. Kenderaan Jabatan yang terdiri daripada beberapa kereta mewah hendaklah digunakan oleh pegawai yang bertugas semasa mengikuti rombongan Yang di-Pertuan Agong atas tugas-tugas rasmi. Kereta mewah ini tidak boleh digunakan bagi urusan harian dan urusan bukan rasmi.
4. Pihak pengurusan Istana Negara hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan bagi penggunaan kereta khusus untuk Yang di-Pertuan Agong, Raja Permaisuri Agong, Pegawai-pegawai Pengiring dan Pejabat Am Istana.

*Lawatan*

5. Lawatan-lawatan yang dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong, iaitu lawatan rasmi, tidak rasmi dan lawatan sambil bercuti hendaklah mendapat kelulusan Jemaah Menteri terlebih dahulu iaitu dari segi negara yang dilawati, tarikh dan tempoh lawatan, bilangan pengiring, pembiayaan, pemberian cenderamata, pengangkutan dan sebagainya.
6. Elaun pakaian dan elaun khas Yang di-Pertuan Agong semasa mengadakan lawatan rasmi adalah seperti yang ditetapkan oleh Jemaah Menteri.

**SULIT**

**Kemudahan Perubatan**

7. Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong adalah layak mendapat kemudahan perubatan berikut:

- (a) kemudahan rawatan dan perubatan diberi secara percuma, dikecualikan daripada bayaran wad di hospital-hospital serta klinik-klinik Kerajaan dan berkelayakan mendapat tempat di dalam wad Diraja melainkan di dalam keadaan kecemasan, di mana terpaksa mendapatkan rawatan dan perubatan di sesuatu hospital atau klinik swasta (tetapi tidak termasuk rawatan pergigian), bayaran mengenainya serta bayaran wad akan dibayar balik oleh Kerajaan;
- (b) ketika berada di luar Malaysia semasa menjalankan tugas rasmi atau bercuti, Kerajaan akan membayar balik sepenuhnya bayaran rawatan dan perubatan termasuk bayaran wad di hospital tetapi tidak termasuk rawatan pergigian;
- (c) layak mendapat kemudahan rawatan khas di luar Malaysia dengan perbelanjaan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan setelah diperakukan oleh Panel Perubatan yang terdiri daripada Pakar-Pakar Perubatan Kerajaan dan swasta; dan
- (d) kemudahan perubatan ini dipanjangkan juga kepada keluarga. Bagi maksud ini "keluarga" bermaksud Raja Permaisuri Agong dan anakanda yang ditanggung sepenuhnya oleh Yang di-Pertuan Agong dan berumur di bawah 21 tahun kecuali anakanda-anakanda yang daif disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani yang mana had umur ini tidak dipakai.

**Juruiring**

8. Yang di-Pertuan Agong adalah dibekalkan dengan juruiring (*Aides de-Camp (ADC)*) yang terdiri daripada pegawai-pegawai Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia. Bilangan ADC adalah seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan.

9. Di samping itu, Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong juga dibekalkan dengan Polis Pengiring bermotosikal (*outriders*) yang akan memastikan kelincinan perjalanan kenderaan kedua-dua Baginda dan bilangan mereka juga adalah seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan.

## BAB 3

### FUNGSI-FUNGSI YANG DI-PERTUAN AGONG

Kuasa-kuasa Yang di-Pertuan Agong adalah dikategorikan mengikut tugas-tugas iaitu sebagai Ketua Negara yang dipilih, kuasa eksekutif, sebagai komponen Badan Perundangan dan juga kuasa-kuasa yang dilaksanakan mengikut peruntukan yang khusus di bawah Akta-Akta Parlimen.

#### *Kuasa Eksekutif*

2. Kuasa eksekutif boleh dijalankan sendiri oleh Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri yang diberi kuasa oleh Jemaah Menteri. Sungguhpun Yang di-Pertuan Agong memegang kuasa pemerintah tertinggi di Persekutuan, dalam menjalankan tugas-tugasnya Baginda tidaklah bertindak bersendirian, tetapi atas nasihat di bawah kuasa am Jemaah Menteri. Yang di-Pertuan Agong akan sentiasa berganding bahu dengan rakyatnya demi kelancaran sistem pemerintahan untuk kemajuan dan kesejahteraan rakyat dan negara.
3. Perkara 40(1) Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa dalam menjalankan tugas-tugasnya di bawah Perlembagaan Persekutuan atau di bawah undang-undang Persekutuan yang lain, Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri atau nasihat seseorang Menteri yang bertindak di bawah kuasa am Jemaah Menteri, kecuali sebagaimana diperuntukkan sebaliknya oleh Perlembagaan Persekutuan.
4. Jemaah Menteri adalah badan yang menjalankan kuasa eksekutif yang dipegang oleh Yang di-Pertuan Agong. Jemaah Menteri ini diketuai oleh seorang Perdana Menteri, iaitu Ahli Dewan Rakyat yang pada pendapat Baginda akan mendapat kepercayaan besar Ahli-Ahli Dewan tersebut.
5. Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak mengikut budibacaranya di dalam menjalankan tugas-tugas yang berikut:
  - (a) perlantikan Perdana Menteri;

**SULIT**

- (b) tidak memberikan perintah untuk membubarkan Parlimen; dan
- (c) mengadakan mesyuarat Majlis Raja-Raja yang ingin membincangkan semata-mata soal mengenai keistimewaan, kedudukan serta kemuliaan dan kebesaran Raja-Raja.

6. Walau bagaimanapun, fungsi Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan perlantikan Perdana Menteri atau pembubaran Parlimen perlu berpandu kepada konvensyen berperlembagaan. Konvensyen ini ada dirujuk di dalam Perkara 43(2) Perlembagaan di mana dinyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong melantik Perdana Menteri dari kalangan Ahli Dewan Rakyat dan budi bicara Yang di-Pertuan Agong adalah berpandu kepada prinsip bahawa seseorang yang hendak dilantik itu ialah seseorang yang pada pendapatnya akan mendapat kepercayaan sebilangan besar Ahli-Ahli Dewan Rakyat. Ini bermakna budi bicara Yang di-Pertuan Agong bukan mutlak.

7. Berhubung kait dengan kuasa eksekutif di perenggan 6 ialah kuasa Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 150 di mana Yang di-Pertuan Agong diberi kuasa untuk membuat satu pengisytiharan darurat di dalam soal di mana keselamatan, ekonomi atau ketenteraman awam Persekutuan terancam. Mengikut peruntukan itu ungkapan perkataan yang relevan ialah sekiranya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berpuas hati. Mengikut undang-undang Perlembagaan "puas hati" (*satisfaction*) ini adalah mengikut fakta-fakta dan nasihat tertentu yang dikemukakan oleh Perdana Menteri atau Jemaah Menteri.

8. Keistimewaan kuasa Yang di-Pertuan Agong juga terkandung dalam beberapa kuasa perlantikan yang dimiliki Baginda. Perlembagaan Persekutuan memberikan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk melantik Menteri-Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri, Peguam Negara, Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi. Baginda juga berkuasa melantik Ahli-Ahli Suruhanjaya, Juruaudit Negara, Duta-Duta dan pegawai-pegawai tertentu. Walau bagaimanapun, kuasa perlantikan itu adalah tertakluk kepada nasihat seperti yang diberi oleh Perdana Menteri di dalam perlantikan Hakim-Hakim dan juga Ahli-Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam [umpamanya Perkara 143(1)(a)].

**SULIT**

9. Yang di-Pertuan Agong juga menerima Duta dan Pesuruhjaya asing ke Malaysia. Dalam upacara tersebut, Duta-Duta dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya asing yang baru dilantik itu akan menyerahkan watikah masing-masing.

*Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia*

10. Yang di-Pertuan Agong adalah Lambang Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia. Dalam kapasiti ini, Yang di-Pertuan Agong dari semasa ke semasa membuat lawatan kepada pangkalan-pangkalan utama Angkatan Tentera Malaysia dan menjalankan upacara seperti menyampaikan Panji-Panji Regimen.

*Fungsi Perundangan*

11. **Badan Perundangan** iaitu Parlimen Malaysia mempunyai tiga komponen iaitu Yang di-Pertuan Agong, Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Yang di-Pertuan Agong tidak menghadiri Persidangan Parlimen tetapi boleh bertitah semasa pembukaan rasmi penggal Parlimen. Baginda yang berkuasa memanggil, memberhentikan atau membubarkan Parlimen. Dalam menjalankan kuasanya itu, Baginda mendapat nasihat Jemaah Menteri.

*Fungsi Keagamaan*

12. Masyarakat Melayu menganggap Institusi Raja mempunyai kaitan yang rapat dengan pemeliharaan ajaran Agama Islam dan kebudayaannya. Mereka juga meletakkan Raja sebagai pelindung Agama Islam, satu peranan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan di mana Yang di-Pertuan Agong adalah **Ketua Agama Islam** bagi negeri-negeri tertentu.

13. Kewibawaan Yang di-Pertuan Agong dapat dilihat melalui kedudukannya sebagai **Ketua Agama Islam** di negerinya sendiri, di samping Negeri-Negeri Melaka, Pulau Pinang, Wilayah-Wilayah Persekutuan, Sabah dan Sarawak. Melalui Majlis Raja-Raja, Yang di-Pertuan Agong telah diberi kuasa untuk menetapkan apa-apa perbuatan, perlakuan, amalan atau upacara agama Islam diperluaskan ke Persekutuan secara menyeluruh, seperti menentukan tarikh permulaan Puasa dan tarikh Hari Raya.

## **SULIT**

14. Sebagai Ketua Agama Islam bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri tertentu, Yang di-Pertuan Agong sentiasa menegakkán syiar Islam. Baginda menghadiri majlis-majlis keagamaan Islam seperti sambutan Maal Hijrah, Maulidul Rasul, Pembukaan Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa, menuñakan sembahyang Jumaat bersama rakyat dan sebagainya.

15. Yang di-Pertuan Agong sentiasa berperilaku setaraf dengan kedudukannya sebagai Ketua Agama Islam bagi negeri-negeri tertentu, misalnya Yang di-Pertuan Agong hendaklah sentiasa meletakkan diri Baginda dalam keadaan-keadaan yang boleh menaikkan martabat sebagai Ketua Agama Islam seperti berpakaian selaras dengan ajaran Islam, hanya menghadiri upacara-upacara yang tidak bercanggah dengan aqidah Islam serta tidak melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang dilarang oleh agama Islam seperti meminum arak, berjudi dan sebagainya.

### *Lambang Mercu Kehormatan*

16. Sebagai Lambang Mercu Kehormatan Yang di-Pertuan Agong menganugerahkan Darjah dan Bintang Kebesaran kepada mereka yang telah berjasa kepada negara. Penganugerahan ini dibuat atas nasihat Perdana Menteri. Pengurniaan Darjah dan Bintang Kebesaran lazimnya diadakan sempena Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong setiap tahun.

### *Lambang Mercu Keadilan*

17. Sebagai Lambang Mercu Keadilan Yang di-Pertuan Agong berkuasa mengampun dan menangguhkan hukuman-hukuman ke atas segala kesalahan yang dibicarkan di Mahkamah Tentera. Baginda juga berkuasa mengampun segala kesalahan lain yang dilakukan di Wilayah-Wilayah Persekutuan dan juga mempunyai kuasa untuk mengampun kesalahan-kesalahan tertentu di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Kuasa-kuasa di atas dijalankan mengikut nasihat-nasihat yang diberi.

### *Fungsi Sosial*

18. Yang di-Pertuan Agong merupakan simbol perpaduan negara dan merupakan tumpuan untuk taat setia rakyat. Adat istiadat sering dikaitkan dengan Institusi Raja seperti mana yang

## SULIT

dapat dilihat dalam upacara-upacara yang melibatkan Yang di-Pertuan Agong seperti istiadat-istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong, Pembukaan Penggal Parlimen, Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran Negara, Perbarisan Hari Kebangsaan, Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong dan sebagainya. Yang di-Pertuan Agong adalah lambang budaya Melayu.

19. Sebagai Ketua Negara, Yang di-Pertuan Agong sentiasa menunjukkan keprihatinannya kepada rakyat, umpamanya mengadakan lawatan-lawatan ke rumah-rumah kebajikan dan sebagainya.

20. Bagi majlis-majlis berbentuk sosial yang tidak dianjurkan oleh Kerajaan, Yang di-Pertuan Agong memilih majlis-majlis tertentu sahaja untuk menghadirinya, supaya kehadiran Yang di-Pertuan Agong yang dikhkususkan kepada majlis-majlis utama sahaja itu akan menambahkan lagi rasa sayang rakyat terhadap Baginda.

21. Dengan tujuan supaya Yang di-Pertuan Agong menghadiri majlis-majlis penting sahaja, maka nasihat Perdana Menteri diperolehi sebelum Baginda menerima apa-apa jemputan untuk majlis-majlis yang tidak rasmi.

### Fungsi-Fungsi Lain

22. Sebagai Ketua Negara Yang di-Pertuan Agong juga diberi kuasa untuk memelihara dan melindungi kepentingan-kepentingan rakyat seperti yang termaktub di dalam Perkara 153 iaitu kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan bumiputera serta kepentingan-kepentingan sah kaum-kaum lain. Kuasa ini lebih melambangkan pemeliharaan hak-hak orang Melayu dan kaum-kaum asli di Sabah dan Sarawak yang memberi keseimbangan terhadap kerakyatan yang telah diiktirafkan kepada rakyat-rakyat Malaysia yang bukan berbangsa Melayu. Ini lebih jelas lagi memandangkan sebarang pindaan kepada Perkara 153 memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja.

23. Peruntukan Perkara 132(2)(A) menetapkan bahawa tiap-tiap seorang yang menganggotai Perkhidmatan Awam memegang jawatan selama yang diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong. Konsep ini semata-mata untuk menegakkan prinsip bahawa Perkhidmatan Awam berfungsi dengan cara tidak dipengaruhi

**SULIT**

oleh mana-mana badan. Boleh dikatakan bahawa dalam Perkhidmatan Awam pegawai yang memegang jawatan selama yang diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong adalah simbolik oleh kerana syarat-syarat perkhidmatan itu hendaklah ditentukan mengikut peraturan-peraturan sejajar dengan konsep bahawa sesuatu jawatan itu hendaklah tidak terjejas oleh kerana ada apa-apa campur tangan daripada badan-badan eksekutif ataupun perundangan.

24. Fungsi-fungsi Yang di-Pertuan Agong yang dilaksanakan di bawah Akta-Akta Parlimen lebih merupakan kuasa yang telah diwakilkan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara kepada Yang di-Pertuan Agong.

BAB 4

ASAS-ASAS KETERTIBAN INSTITUSI  
YANG DI-PERTUAN AGONG

Perlembagaan Persekutuan menjamin hak Raja untuk mewarisi dan memegang, menikmati dan menjalankan hak-hak Perlembagaan dan keistimewaan-keistimewaan Raja.

2. Untuk mengelakkan sebarang salah tafsiran mengenai kedaulatan, hak kedaulatan, kuasa dan bidang kuasa Raja, maka **Perisyiharan Prinsip-Prinsip Perlembagaan** telah termeterai pada 4 Julai 1992 mengenai bentuk dan had hak-hak keistimewaan dan bidang kuasa tertentu. Perisyiharan tersebut seperti di **Lampiran A** adalah meliputi Raja-Raja dan Yang di-Pertuan Agong.

3. Dari segi perundangan, Perkara 34 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan beberapa larangan, iaitu perkara-perkara yang tidak boleh dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong, iaitu:

- (a) menjalankan tugas-tugasnya sebagai Raja Negerinya kecuali tugas-tugasnya sebagai Ketua Agama Islam;
- (b) memegang apa-apa jawatan yang baginya ada apa-apa saraan;
- (c) mengambil bahagian dengan giat dalam apa-apa perniagaan. Mengikut Perisyiharan Prinsip-Prinsip Perlembagaan bertarikh 4 Julai 1992, Yang di-Pertuan Agong boleh aktif dalam perniagaan melalui pemegang amanah;
- (d) menerima apa-apa juga jenis pendapatan yang terakru kepada Baginda sebagai Raja Negerinya; dan
- (e) meninggalkan Persekutuan selama lebih daripada lima belas hari tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja, kecuali atas lawatan negara.

4. Demi memastikan ketertiban Institusi Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara Persekutuan dan Ketua Agama Islam bagi negeri-negeri tertentu, Yang di-Pertuan Agong sentiasa berpegang kepada undang-undang dan peraturan-peraturan serta

**SULIT**

berlaku adil dan saksama seperti yang dikehendaki oleh Agama Islam. Contoh-contoh perilaku Yang di-Pertuan Agong adalah seperti di **Lampiran B**. Perilaku-perilaku yang bertentangan dengan martabat sebagai Ketua Negara dan Ketua Agama Islam ialah:

- (a) mengeluarkan arahan-arahan berkaitan dengan pentadbiran yang tidak berdasarkan undang-undang, seperti contoh-contoh di **Lampiran C**;
- (b) melibatkan Pegawai-pegawai Kerajaan dalam penyediaan atau pengurusan acara/majlis tidak rasmi yang dianjurkan oleh Baginda atau putera/puterinya pada waktu pejabat seperti contoh-contoh di **Lampiran D**;
- (c) memohon untuk kemudahan dan peralatan untuk majlis-majlis tidak rasmi dan persendirian seperti contoh-contoh di **Lampiran E**. Keluarga dan kerabat Yang di-Pertuan Agong boleh mengunjungi Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong di Istana Negara tetapi adalah dilarang daripada menggunakan kemudahan Istana Negara untuk kegiatan-kegiatan persendirian seperti perniagaan dan perhimpunan sosial. Malah penggunaan kepegawaian dan kemudahan-kemudahan Istana Negara seperti peralatan, kelengkapan, kenderaan dan sebagainya adalah juga dilarang;
- (d) menggunakan kedudukan, kuasa dan pengaruhnya untuk mendapatkan sesuatu daripada Kerajaan untuk diri Yang di-Pertuan Agong, keluarga dan kerabat Diraja serta rakan-rakan dan orang perseorangan tertentu seperti contoh-contoh di **Lampiran F**;
- (e) melibatkan diri dalam hal-hal politik. Larangan yang sama ditetapkan dalam Perisyiharan Prinsip-Prinsip Perlembagaan bertarikh 4 Julai 1992. Contoh-contoh larangan adalah seperti di **Lampiran G**; dan
- (f) berbelanja lebih daripada peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan tanpa kelulusan Kerajaan terlebih dahulu. Kerja-kerja seperti pengubahsuaian dan penyelenggaraan Istana Negara dan perkarangan Istana serta pembelian peralatan dalam Istana hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan Kerajaan.

**SULIT**

5. Demi memelihara kedaulatan Institusi Yang di-Pertuan Agong, Baginda terlebih dahulu mendapat kelulusan Kerajaan dalam perkara-perkara berikut:

- (a) penerimaan anugerah daripada mana-mana negara dan mana-mana pihak jua pun seperti badan-badan bukan Kerajaan dan sebagainya;
- (b) penerimaan lantikan memegang jawatan dalam badan sukan dan sukarela, dan sebagai penaung atau penasihat dalam badan-badan tersebut; dan
- (c) penggunaan nama Yang di-Pertuan Agong oleh mana-mana pihak jua pun untuk perkara-perkara seperti tabung, kutipan derma, bangunan dan sebagainya.

JABATAN PERDANA MENTERI,  
KUALA LUMPUR

April 1995.

**PERISYIHARAN PRINSIP-PRINSIP PERLEMBAGAAN**

Perisyiharan bertarikh 4hb Julai 1992 DAN DIBUAT oleh KITA,

DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong IX Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Ghafarullah-Lahu Shah; DYMM Tuanku Syed Putra Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail, Raja Perlis Indera Kayangan; DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj, Sultan Selangor Darul Ehsan; DYMM Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus; KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'Adzam Shah, Sultan Pahang Darul Makmur; DYMM Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah ibni Almarhum Tuanku Al Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Sultan Terengganu Darul Iman; dan KDYMM Raja Nazrin Shah ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan.

BAHAWASANYA Perkara 71 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Persekutuan adalah menjamin hak Raja sesebuah negeri untuk mewarisi dan memegang, menikmati dan menjalankan hak-hak Perlembagaan dan keistimewaan-keistimewaan Raja negeri itu mengikut Perlembagaan negeri itu;

DAN BAHAWASANYA mengikut Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan kedaulatan, hak kedaulatan, kuasa dan bidang kuasa Raja-Raja dalam wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga sekarang, tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan berkenaan, adalah tetap tidak tersentuh;

DAN BAHAWASANYA KITA berhasrat supaya Perlembagaan dan Undang-Undang Malaysia dipatuhi oleh semua rakyat negara ini sepanjang masa;

DAN BAHAWASANYA KITA berpegang teguh kepada prinsip-prinsip "the Rule of Law";

DAN BAHAWASANYA untuk mengelakkan sebarang salah tafsiran mengenai kedaulatan, hak kedaulatan, kuasa dan bidang kuasa:

## **SULIT**

MAKA, KITA, dengan ini membuat Perisytiharan mengenai bentuk dan had hak-hak keistimewaan dan bidang kuasa yang berikut:

### **1. Penglibatan Dalam Politik**

1.1 Selaras dengan amalan dan konvensyen, KITA tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam parti politik.

### **2. Perlantikan Menteri Besar**

2.1 Selaras dengan Perlembagaan Negeri, KITA memperkenankan pencalonan seorang yang mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli-ahli dalam Dewan Undangan Negeri sebagai Menteri Besar.

2.2 Sekiranya tidak ada parti yang mendapat majoriti yang jelas di dalam Dewan Undangan Negeri, KITA hendaklah menggunakan budi bicara KITA dalam perlantikan tersebut selaras dengan prinsip-prinsip Perlembagaan yang tertentu.

2.3 Apabila KITA tidak puas hati di atas kesesuaian orang yang dicalonkan sebagai Menteri Besar, KITA boleh merujuk pencalonan tersebut bagi dipertimbangkan semula oleh pemimpin parti berkenaan untuk keputusan muktamad.

### **3. Perlantikan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri**

3.1 KITA mengakui bahawa perlantikan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri adalah atas nasihat Menteri Besar sendiri dan selaras dengan Perlembagaan Negeri, KITA memperkenankan perlantikan tersebut.

### **4. Bertindak Atas Nasihat**

4.1 KITA akan bertindak atas nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau Menteri Besar selaras dengan peruntukan Perlembagaan Negeri masing-masing.

4.2 KITA, selaras dengan amalan Perlembagaan yang tertentu, mengakui bahawa istilah "acting on advice" atau "Ruler in Council" dan lain-lain istilah yang serupa bermaksud bahawa KITA akan menerima dan memperkenankan nasihat dari Kerajaan Negeri sepertimana yang dipersembahkan oleh Menteri Besar dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

## **SULIT**

4.3 Selaras dengan amalan Perlembagaan, KITA mempunyai hak untuk dirunding, hak memberi galakan, dan hak memberi peringatan kepada Kerajaan.

4.4 Lanjutan dari hak KITA untuk mendapat sebarang maklumat mengenai pentadbiran Negeri sepetimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan setiap Negeri, KITA adalah berhak untuk disembah taklimat oleh Menteri Besar apabila dititah mengadap pada bila-bila masa dan juga sebelum sesuatu mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

### **5. Perlantikan Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan**

5.1 KITA akan melantik Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri atas perakuan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang berkenaan dan juga selaras dengan amalan dan peruntukan Perlembagaan Negeri, setelah nama calon dipersembahkan kepada KITA oleh Menteri Besar.

5.2 Selaras dengan amalan masakini, KITA hendaklah dipersembah maklum terlebih dahulu semua perlantikan Ketua-ketua Jabatan Persekutuan di peringkat Negeri.

5.3 KITA akan melantik ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri selaras dengan undang-undang negeri yang berkenaan.

### **6. Perniagaan**

6.1 KITA tidak boleh aktif dalam perniagaan melainkan melalui pemegang amanah.

6.2 Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja boleh bermagi tetapi melalui pemegang amanah/penama (nominees).

### **7. Perbelanjaan Istana**

7.1 Datuk Pengelola Istana hendaklah mengawal dan mentadbir peruntukan perbelanjaan Istana yang ditetapkan dalam Peruntukan DiRaja (Civil List) mengikut peraturan kewangan.

**8. Agama**

8.1 Selaras dengan prinsip Perlembagaan yang memperuntukkan bahawa KITA adalah Ketua Agama Islam di Negeri masing-masing, KITA mengesahkan kedudukan KITA bahawa KITA akan terus mendokong ajaran dan amalan Agama Islam.

**9. Media Massa**

9.1 KITA selaras dengan amalan Perlembagaan, tidak seharusnya mendedah atau membincangkan dengan pihak media massa apa-apa perkara yang mungkin menimbulkan kontroversi mengenai hal ehwal pentadbiran negeri.

**10. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong**

10.1 Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Perlembagaan Persekutuan, Perisyiharan ini akan dipakai, *mutatis mutandis*, terhadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**Peruntukan Kecualian**

Perisyiharan ini dibuat dengan tujuan untuk memberikan penjelasan dan jaminan dan sesungguhnya dibuat tanpa prasangka kepada mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Perlembagaan Negeri, Konvensyen yang sedia ada dan hak-hak keistimewaan.

DIBUAT di Istana Negara pada 4hb Julai 1992.

Dengan titah perintah Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja,

ENGKU DATUK IBRAHIM BIN ENGKU NGAH,  
Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja,  
Malaysia

**CONTOH-CONTOH PERILAKU YANG DI-PERTUAN AGONG**

1. Memakai pakaian selaras dengan kehendak ajaran Islam.
2. Membelanjakan peruntukan Kerajaan tanpa pembaziran.
3. Menerima anugerah atau cenderamata yang tidak dilarang oleh Agama Islam.
4. Sentiasa menegakkan syiar Islam.
5. Tidak meletakkan diri dalam suatu keadaan yang boleh menjatuhkan martabat sebagai Ketua Negara dan Ketua Agama Islam bagi negeri-negeri tertentu. //
6. Tidak menghadiri upacara yang bercanggah dengan akidah Islam dan budaya Melayu.
7. Tidak melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang dilarang oleh Agama Islam seperti minum arak dan berjudi.

**CONTOH-CONTOH ARAHAN BERKAITAN PENTADBIRAN  
DARIPADA YANG DI-PERTUAN AGONG KEPADA  
PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN YANG  
TIDAK BOLEH DIPATUHI**

1. Supaya menukar pegawai Kerajaan dari Jabatan atau tempat bekerja atau keluar dari sesebuah negeri.
2. Supaya diambil tindakan tatatertib ke atas seseorang pegawai Kerajaan.
3. Supaya pegawai Kerajaan memberi maklumat-maklumat tertentu.
4. Supaya pegawai Kerajaan mengadakan sesuatu majlis perjumpaan.
5. Supaya mempengaruhi urusan kenaikan pangkat dan perlantikan pegawai-pegawai Kerajaan.
6. Supaya Pejabat-Pejabat Perwakilan Malaysia di seberang laut memberi layanan kepada kerabat Diraja semasa lawatan peribadi di luar negeri.
7. Supaya Pejabat-Pejabat Perwakilan Malaysia di seberang laut menguruskan penempahan Bilik Kenamaan di Lapangan Terbang dan keperluan penerbangan (*airport formalities*) untuk kerabat Diraja.
8. Supaya Pejabat-Pejabat Perwakilan Malaysia di seberang laut menjamin (*guarantee*) pembayaran bil-bil tempahan bilik dan sebagainya, atau melayani arahan Yang di-Pertuan Agong dan kerabat Diraja untuk mengiringi mereka ke tempat yang tidak bersesuaian.
9. Supaya murid-murid sekolah menyertai upacara-upacara tidak rasmi yang tidak dianjurkan oleh Kerajaan.

**SULIT**

**LAMPIRAN D**

**CONTOH-CONTOH ACARA/MAJLIS TIDAK RASMI  
YANG DIANJURKAN OLEH YANG DI-PERTUAN AGONG**

1. Acara/majlis berupa adat seperti perkahwinan, turun tanah, lenggang perut, naik buai, cukur rambut dan sebagainya.
2. Acara/majlis riadah seperti permainan golf dan sebagainya.
3. Acara/majlis pertemuan sosial tertentu.
4. Acara/majlis jamuan teh, makan tengah hari dan lain-lain.

**SULIT**

**LAMPIRAN E**

**CONTOH-CONTOH PERMOHONAN YANG DI-PERTUAN  
AGONG UNTUK MENDAPATKAN KEMUDAHAN DAN  
PERALATAN TERTENTU UNTUK ACARA/MAJLIS  
TIDAK RASMI**

1. Permohonan kemudahan-kemudahan seperti khemah, kerusi, meja dan peralatan-peralatan tertentu.
2. Permohonan kemudahan-kemudahan pengangkutan dan kenderaan.
3. Permohonan perkhidmatan seperti juruterbang untuk memandu pesawat peribadi.

**CONTOH-CONTOH PERMOHONAN YANG DI-PERTUAN  
AGONG UNTUK KEISTIMEWAAN-KEISTIMEWAAN  
TERTENTU DI LUAR UNDANG-UNDANG**

1. Permohonan konsesi balak, tanah Kerajaan, lesen dan permit, tender-tender Kerajaan, saham secara khas dalam syarikat-syarikat yang akan disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur dan sebagainya.
2. Permohonan diberi taraf rasmi kepada tetamu-tetamu luar negeri kerana lawatan persendirian yang tidak mendapat kelulusan Kerajaan.
3. Permohonan diberi taraf rasmi kepada majlis-majlis tertentu seperti perkahwinan putera dan puteri Yang di-Pertuan Agong.
4. Permohonan pengecualian cukai ke atas kenderaan yang telah melebihi bilangan yang dibenarkan.
5. Permohonan bagi pegawai-pegawai tertentu mengiringi Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong dalam lawatan rasmi atau peribadi.
6. Permohonan untuk mendapat kemudahan membawa masuk kereta mewah.
7. Permohonan untuk mendapat pengecualian cukai barang.
8. Permohonan untuk mendapat plat nombor kenderaan yang eksklusif.
9. Permohonan untuk mendapatkan basiswa Kerajaan untuk pelajar atau untuk kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi.
10. Permohonan untuk mendapatkan kemudahan bagasi berlebihan (*excess baggage*), melebihi tahap yang berkelayakan.
11. Permohonan untuk mendapatkan lesen senjata api secara yang berlebihan.

**CONTOH-CONTOH LARANGAN PENGLIBATAN  
DALAM HAL-HAL BERKAITAN DENGAN POLITIK**

1. Memakai mana-mana lambang sesuatu parti politik.
2. Membuat pernyataan secara lisan atau bertulis yang menyebelahi mana-mana parti politik mengenai sebarang perkara yang menjadi pertikaian di antara parti-parti politik.
3. Menerbitkan atau mengedarkan buku, artikel atau risalah yang mengandungi pandangan Yang di-Pertuan Agong jika pandangan Baginda itu menyebelahi mana-mana parti politik.
4. Mengambil bahagian dalam mengundi bagi menyokong mana-mana parti politik atau mana-mana calon politik.
5. Menggunakan pengaruh politik bagi menyelesaikan masalah demi kepentingan peribadi, putera, puteri atau bagi pihak sesuatu individu atau kumpulan.
6. Menggunakan harta-benda Kerajaan untuk kegiatan politik.
7. Menghadiri sebarang upacara atau mesyuarat yang dianjurkan oleh mana-mana parti politik di mana-mana juga tempat.



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
IBU PEJABAT, KUALA LUMPUR  
1995

(

(